



KENYATAAN MEDIA KETUA PENGARAH PERIKANAN

MAKLUMBALAS MENGENAI PENCEMARAN SG. KIM- KIM, PASIR GUDANG

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberikan maklumbalas berhubung pencemaran Sungai Kim-Kim, Pasir Gudang yang melibatkan industri perikanan.
2. Sejurus selepas insiden tersebut berlaku pada 7 Mac 2019, Pejabat Perikanan Negeri Johor (PPN Johor) telah menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia Negeri Johor serta menghantar sampel ikan bagi siasatan kualiti air yang mungkin terkesan dari sisa buangan Sg. Kim Kim.
3. Pihak JAS telah mengambil tindakan segera dengan menghalang aliran bahan kimia dengan 'oil boom'. Laporan awalan dari Jabatan Kimia mendapati bahawa sampel air terkesan mengandungi *metana, hidrogen klorida, acrylonitrile, acrolein, ethyl benzene, aldrich toluene, xylene dan limonene*.
4. Pihak DOF segera membuat pemantauan di kawasan ternakan ikan dan kupang di sekitar Pasir Gudang dan **tiada laporan kematian ikan/kupang dilaporkan sehingga kini.**

5. Sebagai makluman, terdapat **lapan (8) pangkalan nelayan berhampiran dengan kawasan pencemaran bahan kimia** tersebut yang melibatkan seramai 342 orang nelayan dan 181 orang penternak di sekitar Teluk Kabung dan Kg. Perigi Acheh.

6. PPN Johor juga telah **menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Khas** bagi menyiasat dan memantau sampel dan parameter kualiti air bagi ternakan kupang dan ikan dalam sangkar.

7. Sampel ikan seterusnya dihantar ke Makmal Jabatan Perikanan atau Makmal Swasta untuk analisis terperinci bagi sembilan (9) parameter kontaminan yang telah dikenalpasti bagi menentukan samada sumber ikan di kawasan Pasir Gudang adalah selamat untuk dimakan ataupun sebaliknya. Hasil analisa tersebut akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

8. Dalam perkembangan yang sama, Pengerusi Persatuan nelayan Kawasan Johor Selatan telah membuat kenyataan bahawa pencemaran toksik ini telah menjejaskan pendapatan lebih 650 nelayan apabila hasil jualan berkurangan 50% sejak insiden tersebut berlaku.

9. Terdapat juga sebuah video tular (*viral*) yang kononnya menunjukkan ratusan ikan mati akibat pencemaran di Pasir Gudang. Setelah siasatan dibuat, PPN Johor menegaskan bahawa ianya adalah berita palsu dan tiada insiden seperti digambarkan dalam video berkenaan berlaku di Sungai Kim-Kim, Kong-Kong atau mana-mana kawasan Pasir Gudang.

###

DATO' HAJI MUNIR MOHD NAWI
Ketua Pengarah Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

18 Mac 2019 (Isnin) jam 3.45
petang Wisma Tani, Putrajaya